

19/12/1998

Kadar RM3.80 kekal

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia tidak akan mengubah kadar pertukaran ringgit sekarang kerana tindakan itu boleh menyebabkan keadaan yang tidak menentu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, tukaran ringgit yang ditetapkan pada kadar RM3.80 bagi AS\$1 sekarang, akan terus kekal kecuali ada perkembangan serius yang memaksa ia diubah.

"Kita tidak akan mengubah kadar tetap itu kerana dengan berbuat demikian ia akan menyebabkan ketidaktentuan kecuali ada perkembangan serius.

"Kita boleh buat begitu secara sendirian tanpa sesiapa mempengaruhi kita. Tetapi dasar kita menetapkan kadar itu supaya orang boleh tahu bila mereka menjalankan perniagaan, kadar itu tidak akan berubah," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan lebih 2,000 ketua-ketua rancangan Felda di sini hari ini, Dr Mahathir berkata berdasarkan petunjuk ekonomi negara, keadaan sekarang semakin pulih.

"Ia menunjukkan keadaan yang baik. Sudah tentu kita masih merasai kesan akibat langkah awal yang cenderung kepada dasar Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dikeluarkan oleh bekas gabenor bank negara dan bekas menteri kewangan.

"Tetapi yang lain-lain seperti rizab semakin kukuh, pasaran saham semakin pulih, perniagaan runcit meningkat. Semua petunjuk membayangkan kita semakin pulih," katanya.

Beliau berkata, Malaysia akan melaksanakan dasar kawalan nilai mata wang sekarang selagi masyarakat antarabangsa masih membenarkan kegiatan spekulatif yang menghancurkan.

"Kita melihat ramai orang menyokong kawalan terhadap spekulasi mata wang dan dana lindung nilai ketika ini," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka sebenarnya tidak begitu terbuka.

"Sistem ekonomi mereka agak tertutup meskipun mendakwa mereka terbuka. Mereka berasa begitu kerana ada modal. Bagi mereka, wang adalah modal. Jadi, duit boleh pergi ke mana saja tanpa sempadan.

"Bagi kita, modal adalah rakyat. Kita mahu rakyat kita bebas pergi ke mana saja tanpa mengira sempadan," katanya sambil menambah, Malaysia mahu menjadi terbuka jika orang lain juga bersikap terbuka.

(END)